

15/12/1998

Perpaduan Asean di persimpangan

Jamhariah Jaafar in Hanoi

KEGAGALAN menteri-menteri luar mencari kata sepakat dalam penerimaan Kemboja untuk melengkap Asean10, di samping itu beberapa masalah membabitkan penyegeraan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dan Kawasan Pelaburan Asean (AIA), dijangka menjadi tumpuan utama sembilan ketua-ketua negara yang hadir di sini.

Perbincangan utama sudah pasti kepada usaha segera untuk memulihkan kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini. Ketua-ketua negara akan meneliti dokumen 'Pernyataan Asean mengenai Langkah-langkah Berani' yang mengandungi langkah jangka pendek dan panjang untuk memulihkan ekonomi rantau ini secara bersama.

Ketua-ketua negara yang hadir pada sidang ini ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei; Presiden Indonesia, B J Habibie; Perdana Menteri Laos, Sisavat Keobounphanh; Presiden Filipina, Joseph Ejercito Estrada; Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong; Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai; dan Perdana Menteri Vietnam, Phan Van Khai sebagai tuan rumah.

Dr Mahathir hampir pasti akan menceritakan pengalaman dan langkah-langkah berani yang diambil Malaysia untuk mengekang serangan spekulator mata wang, yang menjadi punca utama menjerumuskan rantau yang kaya ini kepada kegawatan yang sedang berlangsung sekarang.

Beliau yang terkenal dengan kelantangan dan berani menyatakan kebenaran, juga diharap dapat menyelesaikan kemelut membabitkan isu kemasukan Kemboja ke dalam Asean.

Sumber-sumber diplomat memberitahu, walaupun menteri-menteri luar gagal mencapai kata sepakat dengan Singapura, Thailand dan Filipina, terus tegas dengan pendirian bahawa kemasukan Kemboja perlu ditangguhkan agar ia tidak memalukan rantau ini jika kerajaan yang baru ditubuhkan oleh Hun Sen dan direstui oleh Raja Norodom Sinhanouk, gagal meneruskan kestabilan yang baru dikecapi.

Bagaimanapun, Malaysia, Vietnam, Indonesia, Brunei, Laos dan Myanmar, menyokong penuh penyertaan Kemboja bagi melengkapkan Asean 10, dengan alasan jika Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sudah menyerahkan semula kerusi negara itu di pertubuhan dunia itu, Asean sebagai sebuah persatuan lebih kecil tidak ada alasan untuk menolak kehadiran Kemboja.

"Walaupun Singapura mengatakan Kemboja akan tetap diterima cuma masanya sahaja yang tidak tepat sekarang, alasan itu terlalu longgar kerana sebuah kerajaan yang diterima sudahpun diterima rakyat negara itu sudahpun ditubuhkan."

"Jika Asean meminta lebih daripada itu ia sudah boleh dianggap sebagai mencampuri urusan dalam Kemboja, iaitu satu daripada dasar yang tidak diamalkan oleh gagasan ini."

"Keadaannya sekarang ialah pagar Asean yang sudah mengelilingi rantau ini, tetapi terdapat lubang terbuka luas apabila ia tiba di Kemboja... lubang itu perlu ditutup segera jika tidak mahu ancaman luar memasuki rantau ini," tegasnya.

Malah diplomat berkenaan sempat memberi amaran bahawa dengan kedudukan Kemboja berseorangan di rantau ini, kemungkinan ia dipujuk memasuki gagasan Indo China tidak boleh ditolak.

"Kerana itu ketua-ketua kerajaan pada sidang kali ini perlu membuat keputusan yang boleh melegakan semua orang iaitu mencapai kata sepakat untuk menerima Kemboja sekarang, ataupun mengarahkan menteri-menteri luar

mengadakan pertemuan sekali lagi dalam masa terdekat untuk menyelesaikan isu ini secara muktamad," katanya.

Di samping itu, kegagalan menteri-menteri ekonomi mencapai kata sepakat dalam cadangan menyegerakan pelaksanaan Afta terutama membabitkan senarai Pengecualian Umum (GE) juga menguji semangat kerjasama rantau ini.

Ternyata ketika semua pihak perlu bertolak-ansur untuk memulihkan imej rantau ini sebagai kawasan pelaburan bebas dan menarik, masih ada negara yang berdegil terutama dengan penyenaaraian produk yang perlu dikecualikan dari Tarif Keutamaan Berkesan Bersama (CEPT).

Antara masalah teknikal yang timbul membabitkan tempoh pelaksanaan Afta serta Senarai GE yang tidak seimbang antara negara anggota.

Percanggahan berlaku di mesyuarat menteri-menteri ekonomi, kerana ada yang berpendapat apabila memperkatakan mengenai mempercepatkan pelaksanaan Afta ia sebenarnya tidak sekadar membabitkan jangka waktu, bahkan kadar pengurangan skim CEPT antara negara anggota.

Mengikut jadual asal Afta, enam negara anggota iaitu Malaysia, Brunei, Indonesia, Singapura dan Filipina, sepatutnya mencatat liberalisasi perdagangan dengan penghapusan tarif menjelang 2003, Vietnam pada 2006, manakala Laos dan Myanmar pada 2008.

Bagaimanapun, akibat daripada kegawatan ekonomi yang teruk menjejaskan rantau ini, negara-negara anggota Asean bersetuju untuk mempercepatkan pelaksanaan Afta iaitu tahun 2000 bagi enam negara pengasas Asean, manakala 2003 bagi Vietnam dan 2005 bagi Laos dan Myanmar.

Sementara itu beberapa dokumen akan ditandatangani ketua-ketua negara di sidang kali antaranya Deklarasi Hanoi 1998 yang akan mengandungi pelbagai usaha Asean untuk mengukuhkan kesatuan dan kerjasamanya terutama dalam usaha mempercepatkan pemulihan ekonomi, penyegeraan mengatasi masalah yang dicituskan oleh krisis ekonomi dan kewangan, mempromosi kestabilan, keamanan dan pembangunan di rantau ini.

Dalam hubungan luar, deklarasi itu memuatkan janji untuk meneruskan hubungan dengan rakan dialog iaitu Jepun, China dan Korea Selatan, di samping pertubuhan serantau dan antarabangsa, meluaskan peranan dan kedudukan Asean terutama di Forum Serantau Asean.

Manakala Pelan Tindakan Hanoi (HPA) pula yang akan melaksanakan Wawasan 2020 Asean, akan turut diserahkan kepada ketua-ketua kerajaan untuk kelulusan.

Draf HPA yang menetapkan program kerjasama dalam 10 agenda penting, turut menyentuh mengenai program untuk mengukuhkan keamanan dan kestabilan rantau ini, menyegerakan pemulihan ekonomi, mengukuhkan integrasi ekonomi antara Asean, pembangunan sumber manusia, pembangunan serantau yang antara lain meliputi pembangunan di Lembangan Mekong.

Mesyuarat Bersama Menteri-menteri Luar dan Menteri-menteri Ekonomi Ahad lalu, juga bersetuju supaya 'Pernyataan Asean Mengenai Langkah-langkah Berani' untuk dipersetujui ketua-ketua negara.

Perisytiharan berkenaan mengandungi langkah berani jangka pendek dan jangka panjang untuk terus memperbaiki perdagangan dan pelaburan Asean, membuktikan keazaman Asean untuk meningkatkan integrasi ekonomi antara negara-negara anggota, di samping negara luar termasuk kumpulan serantau.

Di samping masalah dalam Asean, mesyuarat Asean 9 + 3 iaitu dengan rakan dialog - Jepun, China dan Korea Selatan - juga mesyuarat Asean 9 + 1, dijangka akan membuahkan hasil terutama ke arah usaha untuk memulihkan ekonomi rantau ini.

Perbincangan 9 + 1 dengan Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi, dianggap paling penting kerana mereka dijangka akan membincangkan cara pengagihan bantuan AS\$30 bilion (RM114 bilion) dan tambahan baru satu trilion yen, untuk membantu memulihkan ekonomi rantau ini.

Beberapa cadangan dicituskan hasil perbincangan di kalangan pegawai

kanan kewangan Asean (Asfom) dan antaranya ialah bantuan itu diberikan kepada Asean, bukan kepada negara individu. Satu bentuk mekanisme penagihan bantuan itu akan dibentuk oleh Asean.

Bagaimanapun, walau apapun keputusan yang akan dicapai oleh ketua-ketua negara Asean ia akan menguji semangat kerjasama dan perpaduan rantau ini.

Sebarang perpecahan yang mungkin terbayang di peringkat bawahan, diharap dapat dileraikan oleh peringkat pemimpin bagi memastikan keutuhan Asean akan terus padu, bagi menyekat sebarang ancaman luar yang hampir dapat `menjinakkan' beberapa Harimau Asia di rantau ini.

Ternyata selepas konflik dan kemelut politik yang melanda rantau ini akibat daripada kegawatan ekonomi, Asean perlu meleraikan sebarang masalah dalaman yang berlaku selama ini.

Asean tidak memerlukan pembangkang dan anggota yang keras kepala bagi menggugat semangat setiakawan dan perpaduan di rantau ini. Sikap tolak ansur dan toleransi amat diperlukan pada saat yang genting ini, terutama bagi rantau ini menghadapi cabaran yang lebih getir yang menunggu di ambang alaf baru.

(END)